3.3 Simpanan dan pelaburan

A Tandakan (✓) pada jawapan yang betul. **TP3**

1. Simpanan ialah wang yang disimpan dan digunakan apabila perlu. ☐

   Simpanan ialah wang yang perlu digunakan sentiasa. ☐

2. Pelaburan ialah wang yang dimasukkan ke dalam bank. ☐

   Pelaburan ialah wang yang digunakan untuk perniagaan tertentu yang akan memberikan keuntungan pada masa hadapan. ☐

3. Faedah mudah ialah sejumlah wang yang diterima setelah seseorang menyimpan wang di bank dalam tempoh tertentu. ☐

   Faedah mudah ialah sejumlah wang yang diterima setelah seseorang mengeluarkan wang daripada bank. ☐

4. Faedah kompaun ialah faedah yang diterima daripada wang simpanan dan faedah yang terkumpul setiap tahun. ☐

   Faedah kompaun ialah faedah yang diterima daripada wang pelaburan yang terkumpul setiap tahun. ☐

LIVEWORKSHEETS

3.4 Kredit dan hutang

A Tulis "Kredit" atau "Tunai" berdasarkan situasi yang berikut. **TP2**

1.	Encik Fitri membeli sebuah televisyen yang berharga RM8 500. Dia membayar harga televisyen itu dengan menggunakan kad kredit.	
2.	Puan Chen membeli sebuah mesin basuh yang berharga RM3 520. Dia membayar harga mesin basuh itu dengan sejumlah wang RM4 000 dan menerima baki sebanyak RM480.	

LIVEWORKSHEETS